

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 May 2015

## PM rasmi Anjung Warisan hari ini

UM - 23/5/2015

**PEKAN 22 Mei** - Kompleks Anjung Warisan dan Serambi Pekan di sini yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak esok bakal memberi manfaat serta mewujudkan limpahan ekonomi kepada penduduk di sekitarnya.

Kompleks dibina dengan kos RM12 juta itu merupakan komponen utama projek Pembangunan Pelancongan Warisan Pekan dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang turut membabitkan pembinaan Pekan Waterfront serta membaik pulih Muzium Sultan Abu Bakar.

Anjung Warisan adalah kompleks medan selera dua tingkat

yang menghadirkan juadah istimewa negeri ini manakala Serambi Pekan khusus untuk mempromosi dan memasarkan produk kraftangan Pahang berkonsepkan seperti Pekan Rabu di Kedah serta Pasar Payang di Terengganu.

Pengurus Besar Perhubungan Media ECERDC, Nuryushida Laily Yusof berkata, Anjung Warisan dan Serambi Pekan menjadi platform kepada usahawan tempatan termasuk masyarakat Orang Asli untuk memasarkan dan mempamerkan produk mereka kepada pengunjung dan membantu memulihara budaya serta warisan negeri ini.

"Kewujudannya adalah selaras dengan pendekatan berasaskan

modal dan ekonomi rakyat yang dijalankan oleh ECERDC dalam pelaksanaan projek-projek Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

"Objektif utama untuk mewujudkan persekitaran ekonomi positif kepada masyarakat sekitar menerusi limpahannya pasti akan dapat direalisasikan," katanya pada sesi lawatan di Kompleks Anjung Warisan dan Serambi Pekan di sini semalam.

Nuryushida Laily berkata, terdapat antara usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di kompleks berkenaan mendapat latihan menerusi program keusahawanan yang dijalankan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP).



**KOMPLEKS Anjung Warisan dan Serambi Pekan yang bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri hari ini merupakan komponen utama projek Pembangunan Pelancongan Warisan Pekan yang turut merangkumi pembinaan Pekan Waterfront serta membaik pulih Muzium Sultan Abu Bakar. - UTUSAN/MAHATHIR ALI**